

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : Persepsi guru terhadap perkongsian sekolah dan keluarga dalam meningkatkan pendidikan anak-anak: satu kajian di Daerah Tuaran.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : Jun 2002 – Jun 2004

Saya, **ELIZABETH BINTI EBIN** mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.



Disahkan oleh

NORAZLYNNE MOHD. JIHAN @ JACKLYNE
PUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Penulis : **ELIZABETH BINTI EBIN**)

(**TANDATANGAN PUSTAKAWAN**)

Alamat tetap:

Tarikh : 10 Ogos 2004

(**DR. EDWARD MIKU TIONSU**)
Tarikh: _____

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

**PERSEPSI GURU TERHADAP PERKONGSIAN
SEKOLAH DAN KELUARGA DALAM
MENINGKATKAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK :
SATU KAJIAN DI DAERAH TUARAN**

ELIZABETH BINTI EBIN



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2004

PENGAKUAN

**TAJUK DESERTASI:
PERSEPSI GURU TERHADAP PERKONGSIAN SEKOLAH DAN KELUARGA
DALAM MENINGKATKAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK : SATU KAJIAN DI
DAERAH TUARAN.**

ELIZABETH BINTI EBIN

**Desertasi ini dikemukakan kepada Pusat Pengajian Pasca Siswazah,
Universiti Malaysia Sabah bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-
syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Dalam Bidang Pengurusan
Pendidikan.**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan
rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.**

**ELIZABETH BINTI EBIN
PS2002-006(K)-273
7 Jun 2004**

PENGHARGAAN

Penulis amat bersyukur kepada Tuhan kerana dengan restu dan kurniaNya, saya telah dapat menyiapkan desertasi ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan rasa penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya untuk menyiapkan penulisan desertasi ini.

Setinggi-tinggi penghargaan terutamanya kepada Dr. Edward Miku Tionsu kerana sudi menjadi penyelia bagi desertasi ini. Terima kasih diucapkan atas segala tunjuk ajar yang telah diberikan. Segala bimbingan dan nasihat yang diberikan merupakan panduan yang sangat bererti kepada saya. Tanpa bantuan beliau, kajian ini mungkin tidak dapat disiapkan.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Pendidikan Negeri Sabah, guru-guru di SMK Badin, Tuaran, SMK Sri Nangka, SMK Tun Fuad Stephen, SM St John dan SMK Pekan Telipok, Tuaran kerana telah memberikan kerjasama ketika saya perlu menggunakan sampel di sekolah berkenaan. Semoga guru-guru akan terus memberi sokongan kepada kajian-kajian yang akan dijalankan di peringkat sarjana pada masa akan datang.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua teman seperjuangan yang setia memberikan sokongan moral, teguran dan bimbingan ketika menyiapkan desertasi ini. Begitu juga dengan sahabat yang sentiasa mengukirkan senyuman semangat terutamanya teman-teman di SMK Pekan Telipok, Tuaran. Terima kasih yang tidak terhingga kepada yang telah memberi sumbangan.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga tersayang yang banyak memberikan kerjasama untuk menyiapkan desertasi ini. Terutama sekali buat suami tercinta, Jason @ Jes, anak-anak yang disayangi, Olivia @ Li Ling, Oliver @ Li Khi dan Olivares @ Lio yang baru lahir pada 30 Mei 2004, buat papa dan mama, kakak, adik-adik dan keluarga mentua yang saya kasihi. Terima kasih di atas perhatian dan pengorbanan yang telah diberikan. Kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama.

Sekian.

ELIZABETH BINTI EBIN,
PETI SURAT 36,
89207 TUARAN,
SABAH.

TEL : 088791442

ABSTRAK

PERSEPSI GURU-GURU TERHADAP PERKONGSIAN DI ANTARA SEKOLAH DAN KELUARGA DALAM MENINGKATKAN PRESTASI ANAK-ANAK : SATU KAJIAN DI DAERAH TUARAN, SABAH

Kajian berbentuk deskriptif dan perkaitan ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi guru-guru terhadap konsep perkongsian pendidikan antara sekolah dan keluarga dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan persepsi guru-guru terhadap (1) konsep perkongsian pendidikan dan peranan sekolah dalam menggalakkan penglibatan ibu bapa; (2) kaedah perkongsian yang digunakan oleh pihak sekolah; (3) isu-isu yang dibincangkan antara ibu bapa dan pihak sekolah dan (4) tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka di sekolah. Pemilihan sampel melibatkan 5 buah sekolah menengah sekitar daerah Tuaran. Seramai 173 orang guru dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Data di analisis menggunakan perisian SPSS dengan merujuk kepada statistik deskriptif, ujian regresi berganda dan ujian Korelasi Pearson. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden mempunyai persepsi yang tinggi terhadap konsep perkongsian pendidikan. Bagi peranan sekolah dalam menggalakkan penglibatan ibu bapa mengikut 6 model penglibatan ibu bapa oleh Epstein, responden mempunyai persepsi yang tinggi terhadap tiga aktiviti yang menggalakkan penglibatan iaitu aspek membuat keputusan, komunikasi dan sukarela. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan bahawa hubungan antara peranan sekolah dalam menggalakkan perkongsian keluarga dan sekolah dengan peningkatan prestasi akademik adalah negatif. Namun hubungan ini adalah lemah. Bermakna hubungan antara persepsi responden terhadap penglibatan ibu bapa dalam aspek membuat keputusan dan sukarela tidak memberi kesan kepada peningkatan akademik pelajar. Kaedah perkongsian dan isu-isu yang dibincangkan di antara sekolah dan ibu bapa juga tidak mempengaruhi peningkatan akademik. Hanya isu berkaitan kaedah mengajar guru-guru yang mempengaruhi peningkatan akademik. Jenis penglibatan yang paling banyak memberi kesan kepada peningkatan akademik pelajar ialah perbincangan dengan guru tentang pencapaian akademik anak-anak mereka. Guru-guru menyatakan bahawa kaedah menulis mesej dalam buku kerja, melalui nota, membuat temujanji dan melalui telefon sebagai kaedah yang paling banyak digunakan oleh pihak sekolah dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Dapatan kajian ini mencadangkan guru-guru mengamalkan sikap terbuka bagi menggalakkan komunikasi dua hala dan penglibatan ibu bapa di sekolah. Walaupun responden mempunyai persepsi yang tinggi terhadap konsep pendidikan namun perlaksanaannya masih perlukan bimbingan dan usaha yang lebih bersungguh-sungguh untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar.

ABSTRACT

THE PERCEPTION OF TEACHERS TOWARDS EDUCATION PARTNERSHIP BETWEEN THE SCHOOL AND THE PARENTS TO RAISE STUDENTS ACADEMIC PERFORMANCE : A STUDY IN THE TUARAN DISTRICT OF SABAH.

This descriptive and correlation research is conducted to obtain the perception of teachers towards the concept of education partnership between the school and parents to raise student's academic performance. The instrument used in this study is in the form of interview, to obtain the perception of teachers towards (1) the partnership between school and parents and the role of the school in encouraging parental involvement; (2) the method of partnership adopted by the school; (3) the issue of discussion between parents and the school; (4) the level of parental involvement towards their children education. The sample involves five secondary schools in the Tuaran District. A total of 173 teachers were chosen at random as respondents to the study. The data analysis is using SPSS to get Descriptive statistic, Regression test and Pearson correlation test. The analysis of the findings reveals that the majority of respondents highly supportive of education partnership concept. On the role of the school in parental involvement using the Epstein model, the respondents of the study show enthusiasm and support in the three activities which involves involvement in decision making, communication and voluntary assistance in the extra curriculum related activities. Pearson correlation test concerning education partnership indicates a rather negative view, whereby most teachers are not in favour of parental involvement especially in decision making and voluntary participation of parents in the extra curriculum activities. Education partnership and the issue being discussed between school and parents does not affect the students academic performance. The most effective method discovered in the course of study in improving student's academic achievement in through teachers and parents discussion on the subject. Teachers are of the opinion that writing reports through notes, making appointments or through the telephone is the most used method adopted by the school in involving parents in their child's academic performance. Based on the finding of the study, it is suggested that teachers should change their overall perception towards education partnership. Although most of them are supportive of this concept, nevertheless the implementation of education partnership is still vague to most teachers.

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKASURAT

PENGAKUAN	I
PENGHARGAAN	II
ABSTRAK (Bahasa Melayu)	III
ABSTRAK (Bahasa Inggeris)	IV
ISI KANDUNGAN	V
SINGKATAN	VIII
SENARAI JADUAL	IX
SENARAI RAJAH	IX
 BAB 1 : Pendahuluan	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan masalah	4
1.2 Persoalan kajian	6
1.3 Objektif kajian	6
1.4 Kepentingan kajian	7
1.5 Batasan kajian	9
1.6 Definasi konsep	9
1.7 Kesimpulan	12
 Bab 2 : Sorotan literatur	
2.0 Pendahuluan	13
2.1 Kepentingan perkongsian sekolah dan keluarga	14
2.2 Peranan guru-guru dan pentadbir sekolah dalam menggalakkan perkongsian	19
2.3 Model penglibatan ibu bapa mengikut Joyce Epstein	24
2.4 Jenis dan kaedah perkongsian oleh sekolah	34

2.5	Faktor-faktor yang menghalang usaha perkongsian	36
2.6	Kesimpulan	38
Bab 3 : Metodologi kajian		
3.0	Pendahuluan	39
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	39
3.2	Reka bentuk kajian	40
3.3	Populasi dan persampelan	41
3.4	Instrumentasi kajian	42
3.5	Pengurusan Soal Selidik	45
3.6	Penganalisaan data	45
3.7	Kesimpulan	46
Bab 4 : Dapatan kajian		
4.0	Pengenalan	47
4.1	Latar belakang sekolah dan responden	48
4.1.1	Latar belakang sekolah berdasarkan analisis peratus peperiksaan awam SPM dan PMR bagi 3 tahun kebelakangan iaitu tahun 2003, 2002 dan 2001	48
4.1.2	Latar belakang responden mengikut jantina, pengalaman dan jawatan	48
4.1.3	Pengalaman mengajar dan jawatan responden	49
4.2	Persepsi guru-guru terhadap konsep perkongsian ibubapa dan guru	50
4.2.1	Persepsi guru-guru terhadap konsep perkongsian ibu bapa dan guru-guru dan peranan sekolah dalam menggalakkan perkongsian pendidikan	50
4.2.2	Peranan sekolah dalam menggalakkan penglibatan ibu bapa mengikut enam model penglibatan oleh Epstein ..	52
4.2.3	Hubungan antara peranan sekolah dalam menggalakkan perkongsian keluarga dan sekolah dengan peningkatan prestasi akademik anak-anak	52

4.2.4	Hubungan antara keadah perkongsian dan isu-isu yang dibincangkan dengan peningkatan akademik pelajar	53
4.2.5	Tahap penglibatan yang paling banyak memberi kesan kepada peningkatan akademik pelajar	57
4.2.6	Kaedah yang paling banyak digunakan oleh pihak sekolah dalam melibatkan ibubapa dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar	59
4.3	Rumusan hasil kajian	59
Bab 5 : Rumusan dan cadangan		
5.0	Pengenalan	60
5.1	Rumusan dapatan kajian	60
5.1.1	Persepsi guru-guru terhadap konsep perkongsian ibu bapa dan guru	62
5.1.1.1	Peranan sekolah dalam menggalakkan penglibatan ibu bapa mengikut enam model penglibatan oleh Epstein ..	62
5.1.2	Hubungan antara peranan sekolah dalam menggalakkan perkongsian keluarga dan sekolah dengan peningkatan prestasi akademik anak-anak	66
5.1.3	Hubungan antara kaedah perkongsian dengan peningkatan akademik pelajar	66
5.1.4	Hubungan antara isu-isu yang dibincangkan dengan peningkatan akademik pelajar	67
5.1.5	Jenis penglibatan yang paling banyak memberi kesan kepada peningkatan akademik pelajar	67
5.1.6	Kaedah yang paling banyak digunakan oleh pihak sekolah dalam melibatkan ibu bapa dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar	68
5.1.7	Faktor-faktor yang menghalang penglibatan ibu bapa ..	69
5.2	Cadangan	70
5.3	Cadangan untuk kajian masa depan	72
5.4	Kesimpulan	73

BIBLIOGRAFI

74

LAMPIRAN

Lampiran I	Soalan Soal Selidik	77
Lampiran II	Senarai Penyemak Soal Selidik	85
Lampiran III	Senarai Sekolah Sebagai Sampel	86
Lampiran IV	Kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia	87
Lampiran V	Kebenaran daripada Unit Perhubungan, Pendaftaran Dan Pendidikan Swasta, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah	89

SINGKATAN

USA	United state of America
NGO	Non-Government Organisation
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
JKKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
SPSS	Statistic Package for Social Science
ANOVA	Analysis Of Variance
HEM	Hal Ehwal Murid

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Jumlah populasi dan persampelan mengikut sekolah	41
Jadual 3.2	Kebolehpercayaan instrumen kajian	44
Jadual 4.1	Analisis peratus keputusan peperiksaan awam SPM dan PMR	48
Jadual 4.2	Responden mengikut jantina	49
Jadual 4.3	Responden mengikut umur	49
Jadual 4.4	Responden mengikut pengalaman	50
Jadual 4.5	Responden mengikut jawatan	50
Jadual 4.6	Persepsi guru-guru terhadap konsep perkongsian ibubapa dan guru	51
Jadual 4.7	Hubungan antara peranan sekolah dalam menggalakkan perkongsian keluarga dan sekolah dengan peningkatan prestasi akademik anak-anak	53
Jadual 4.8	Hubungan antara kaedah perkongsian dengan peningkatan akademik pelajar	54
Jadual 4.9	Hubungan antara isu-isu yang dibincangkan dengan peningkatan akademik pelajar	56
Jadual 4.10	Jenis penglibatan yang paling banyak memberi kesan kepada peningkatan akademik pelajar	57
Jadual 4.11	Kaedah yang paling banyak digunakan oleh pihak sekolah dalam melibatkan ibubapa dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar	59

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	konsep Perkongsian : Sekolah dan masyarakat (Musa bin Hj Mohamad Razi dan Syed Idrus bin Syed Ahmad, 1994)	39
-----------	--	----

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sistem Pendidikan di Malaysia masa kini lebih memfokuskan kepada guru sebagai orang yang paling bertanggungjawab dalam proses pendidikan anak-anak di sekolah manakala ibubapa dan keluarga hanya memainkan peranan sampingan dalam aktiviti pembelajaran anak-anak mereka. Pada dasarnya terdapat sekurang-kurangnya empat unsur penting yang melingkungi persekitaran pembelajaran seorang pelajar khususnya. Unsur-unsur tersebut ialah pelajar itu sendiri, keluarga (ibu bapa), guru dan rakan-rakan sebaya, (*Abdul Aziz Jemain, 2000*). Unsur-unsur ini bertindak sepadu secara kompleks dalam mengungkap tingkah laku harian seseorang pelajar.

Sememangnya masih lagi dipersoalkan dalam kajian-kajian yang lepas tentang siapakah yang lebih memainkan peranan yang lebih penting dalam pendidikan anak-anak, sekolah ataupun keluarga. Sebenarnya kedua-dua pihak telah memainkan peranan untuk meningkatkan prestasi akademik anak-anak/pelajar. Namun, sebilangan pendidik, pembuat polisi, dan penyelidik memfokuskan kepada keluarga sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk kejayaan pendidikan anak-anak/pelajar. Ada juga kajian yang memfokuskan kepada peranan sekolah untuk memotivasikan dan mendidik pelajar, manakala ibu bapa tidak ada apa-apa kaitan dengan pendidikan formal kanak-kanak. Namun, apabila pelajar gagal, ada yang menyalahkan pelajar itu sendiri, ada juga yang menyalahkan ibu bapa dan keluarga kerana kelemahan dan kegagalan mereka menjalankan tanggungjawab. Yang

menarik, apabila pelajar mencapai kejayaan, kedua-dua pihak mengaku bertanggungjawab, malah dapat pula menyenaraikan sumbangan mereka terhadap kejayaan tersebut (Epstein, 1992).

Sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan sekarang ini menghadapi pelbagai masalah sosial yang dibawa oleh anak-anak yang mereka didik. Sekolah secara tersendiri tidak mampu melaksanakan tugas mendidik anak-anak dengan berkesan (Wee, 2001). Sekolah perlukan bantuan dan sokongan ibu bapa dan keluarga untuk memenuhi pelbagai keperluan anak-anak dalam proses pendidikan mereka.

Tujuan utama dasar pendidikan negara kita ialah mahu melahirkan generasi muda yang terpelajar dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan. Remaja hari ini adalah pemimpin masa depan. Ibu bapa dan keluarga pada dasarnya mahu melibatkan diri secara aktif dalam pendidikan anak-anak mereka tetapi bagaimana dan bila mereka perlu terlibat sebenarnya memerlukan bantuan guru. Hidalgo dan rakan-rakan (1995) dalam Rasool dan Curtis (2000) menyatakan bahawa, "*all families whatever their background, culture, or language – want and need assistance from schools in helping their children succeed each year*".

Oleh yang demikian, pentadbir sekolah perlu menunjukkan minat yang mendalam terhadap hubungan di antara sekolah dan ibu bapa. Pentadbir sekolah sebagai tonggak dalam sesebuah sekolah perlu dapat memikirkan pelbagai cara terbaik. Antaranya ialah untuk menjawab persoalan seperti bagaimana sekolah dapat menggalakkan ibu bapa dan keluarga melibatkan diri di sekolah?, Bagaimana berkomunikasi dengan ibu bapa dan keluarga?, Bagaimana pentadbir membantu ibu

bapa agar mereka dapat ke sekolah dan memberikan bantuan yang sewajarnya seperti yang mereka perlukan?.

Sesetengah keluarga mempunyai halangan untuk datang ke sekolah, contohnya mereka yang mempunyai status Pendatang Tanpa Izin. Mereka takut status mereka akan diketahui oleh pihak sekolah dan mengeluarkan anak mereka dari sekolah. Budaya orang Pakistan pula tidak menggalakkan ibu bapa datang ke sekolah tempat anak-anak mereka belajar. Huss-Keeler (1997) dan Rasool dan Curtis (2000) menyatakan bahawa mesej sekolah-sekolah di Pakistan kepada ibu bapa ialah "*you do the parenting and we'll do the schooling*". Walaupun bilangan mereka ini tidak ramai, tetapi mengenali, memahami dan menghormati budaya dan perbezaan taraf hidup sepatutnya menjadi salah satu daripada topik perbincangan antara sekolah, guru dan ibu bapa.

Guru-guru juga mahu ibu bapa terlibat dengan aktif di sekolah. Dalam kajian yang dijalankan oleh Hollifield (1995) dan Rasool dan Curtis(2000), pengkaji mendapati bahawa empat daripada lima guru merasakan bahawa penglibatan ibu bapa itu penting dan satu daripada tiga memberikan sokongan penuh. Walau pun satu kajian sahaja tidak mencukupi untuk membuktikan kebenaran tetapi ia dapat menggambarkan bahawa guru mahu ibu bapa dan keluarga terlibat di sekolah.

Pelajar sendiri juga mahukan ibu bapa dan keluarga mereka terlibat aktif di sekolah. Walaupun, apabila pelajar meningkat remaja mereka mahukan kebebasan, kuasa membuat keputusan dan kuasa penuh ke atas pengurusan diri sendiri sebagai salah satu peringkat pembesaran dan perkembangan. Namun, mereka masih memerlukan sokongan ke atas usaha mereka untuk berjaya dalam bidang pendidikan

di sekolah, memahami kehidupan sosial mereka dan dalam aspek-aspek perkembangan biologi dan perubahan kognitif.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh *National Parent Teacher Association (IRA, April / May, 1997, p.16)* telah menggariskan lima cara untuk menggalakkan penglibatan ibu bapa dan keluarga di sekolah: (a) komunikasi dua hala yang berterusan antara sekolah dan rumah, (b) ibu bapa dialu-alukan sebagai sukarelawan di sekolah, (c) ibu bapa sebagai rakan kongsi dalam membuat keputusan yang melibatkan pelajar dan keluarga, (d) penglibatan ibu bapa secara aktif dalam pembelajaran anak-anak, (e) mendekati ahli dalam komuniti untuk mendapatkan sumber kewangan untuk sekolah (Rasool & Curtis, 2000).

Pada dasarnya pihak guru, ibu bapa dan pelajar memang mahukan hubungan yang rapat untuk meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah. Pihak sekolah dan guru perlu memastikan hubungan perkongsian itu menjadi kenyataan dengan memainkan peranan yang sewajarnya.

1.1 Pernyataan masalah

Sistem pendidikan Negara mahukan sekolah untuk merancang dan menggalakkan ibu bapa dan keluarga untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka. Oleh itu, cabaran sekolah di alaf baru ini ialah untuk mengeratkan kerjasama dengan keluarga bagi menyelesaikan dan mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi oleh anak-anak didik mereka. Sekolah dan keluarga perlu bekerjasama membentuk dan melahirkan individu yang boleh menghadapi cabaran hidup serta meningkatkan prestasi akademik anak-anak mereka. Beberapa kajian membuktikan bahawa

sokongan dan kerjasama keluarga penting dalam meningkatkan prestasi pendidikan anak-anak (*McGaw et al, 1984*). Sekolah perlu mengiktiraf kepentingan pengaruh dan potensi ibu bapa dan keluarga dalam pendidikan anak-anak mereka. Ibu bapa sering menghadapi dilema kerana tidak tahu bagaimana dan di mana mereka boleh membantu pihak sekolah (*Gann, 1999*).

Pada masa kini, penglibatan ibu bapa di sekolah adalah melalui platform Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG). Namun penglibatan ibu bapa melalui saluran PIBG sangat minima dan hubungan perantaraan ini tidak cukup untuk membolehkan sekolah dan keluarga menghasilkan satu perkongsian yang holistic antara sekolah dan keluarga (*Wee, 2001*).

Sekolah di bina dalam masyarakat, oleh masyarakat dan untuk masyarakat. Mengikut konsep ini, sekolah mempunyai fungsi sebagai agen perubahan dalam masyarakat. Sekolah sepatutnya mengorak langkah untuk memulakan segala perubahan dalam masyarakat, misalnya perubahan daripada segi pembentukan semula nilai dan sikap penduduk. Namun, perubahan masa menyebabkan sekolah tidak dapat mewujudkan perubahan tersebut, sebaliknya sekolah terpaksa mengikut perubahan dalam masyarakat dan terikat dengan pelbagai polisi dan peraturan pihak berkuasa. Oleh itu, sekolah nampaknya terpaksa menghadapi semua masalah yang ditimbulkan oleh pelajar yang sebenarnya telah dipengaruhi oleh masyarakat sekeliling (Kamarudin Hj. Kachar, 1989).

Berdasarkan masalah yang dinyatakan di atas, kajian ini akan cuba memfokuskan kepada persepsi guru-guru terhadap perkongsian pendidikan di antara ibu bapa dan keluarga dalam meningkatkan prestasi akademik anak-anak/pelajar.

Namun, fokus kajian dikecilkan dengan hanya mengkaji peranan pihak sekolah dalam menggalakkan penglibatan ibu bapa di sekolah. Hasil kajian ini diharapkan boleh membantu sekolah merealisasikan impian perkongsian untuk meningkatkan pendidikan anak didik mereka.

1.2 Persoalan kajian

Kajian ini akan cuba menjawab beberapa soalan iaitu:

- a) Apakah persepsi guru-guru terhadap konsep perkongsian pendidikan antara ibu bapa dan guru.
- b) Apakah wujud hubungan yang signifikan antara peranan sekolah dalam menggalakkan perkongsian pendidikan antara keluarga dan sekolah dengan prestasi akademik anak-anak.
- c) Apakah wujud hubungan yang signifikan antara kaedah perkongsian dan isu-isu yang dibincangkan dengan peningkatan akademik pelajar;
- d) Apakah jenis penglibatan yang paling banyak memberi kesan kepada peningkatan akademik pelajar.
- e) Apakah kaedah yang paling banyak digunakan oleh pihak sekolah dalam melibatkan ibubapa dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar.

1.3 Objektif kajian

Objektif kajian adalah untuk meninjau persepsi guru-guru terhadap konsep perkongsian antara sekolah dan keluarga dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan perkaitan khususnya untuk mengenal pasti peranan sekolah dalam menggalakkan perkongsian ibu bapa dan

sekolah untuk meningkatkan prestasi akademik anak-anak mereka. Teori berkaitan penglibatan ibu bapa dapat memberi kesan kepada pencapaian pelajar di adaptasi daripada model penglibatan oleh Joyce Epstein (1995) yang menggariskan enam unsur iaitu komunikasi, keibubapaan, sukarela, membuat keputusan, pembelajaran di rumah dan hubungan dengan komuniti (Epstein, J.L., 1995).

Kajian ini bertujuan;

- a. Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap konsep perkongsian pendidikan antara ibu bapa dan guru.
- b. Mengenalpasti hubungan yang signifikan antara peranan sekolah dalam menggalakkan perkongsian pendidikan antara keluarga dan sekolah dengan prestasi akademik anak-anak.
- c. Mengenalpasti hubungan yang signifikan antara kaedah perkongsian dan isu-isu berkaitan dengan peningkatan akademik pelajar;
- d. Mengenalpasti jenis penglibatan yang paling banyak memberi kesan kepada peningkatan akademik pelajar.
- e. Mengenalpasti kaedah yang paling banyak digunakan oleh pihak sekolah dalam melibatkan ibubapa dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar.

1.4 Kepentingan kajian

Kajian berkaitan dengan perkongsian pendidikan antara sekolah, guru, ibu bapa dan keluarga dalam meningkatkan pencapaian akademik anak-anak mereka telah mendapat perhatian di negara-negara barat dan telah mula berkembang di Malaysia. Dapatan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Hoover-Dempsey dan rakan-rakan (1995, 1992), Epstein (1992), Black (2001), Jones (2001), Niemi (2001), dan lain-lain

di Amerika Syarikat mendapati bahawa penglibatan keluarga dalam membantu anak-anak mereka di rumah seperti menyiapkan kerja rumah dari sekolah, memberi sokongan, galakan, menyediakan tempat yang selesa, membeli buku rujukan dan sebagainya telah berjaya meningkatkan prestasi akademik anak-anak di sekolah. Ini adalah satu perkembangan yang baik kerana minat terhadap isu ini diharapkan akan membawa kepada impak yang positif dalam meningkatkan pencapaian anak-anak dalam pendidikan.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklum balas kepada pihak sekolah yang terlibat dalam kajian tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan prestasi anak-anak. Di Malaysia, kajian berkaitan telah dijalankan oleh Abdul Aziz Jemain (2000), Nasuddin Othman dan Kamariah Husin (1996), Khalid Johari (2001). Selain itu terdapat juga kajian-kajian berkaitan faktor kepimpinan pengetua yang memberi kesan kepada pencapaian akademik anak-anak/pelajar di peringkat sarjana oleh Mohd Tajuddin Bin Zakaria (1995), Ab. Rahman Bin Jusoh (1997), Zulkifli bin Abdullah (1997), Hamidah bt. Naina (1996) dan Manoharan Letchumanan (1995). Diharapkan kajian-kajian ini dapat dijadikan garis panduan bagi pihak-pihak tertentu untuk menjalankan kajian terhadap aspek yang sama di sekolah-sekolah menengah yang lain di Malaysia.

Akhir sekali, hasil kajian ini diharapkan akan menjadi satu sumbangan kepada Universiti Malaysia Sabah khususnya dan Jabatan Pendidikan Sabah amnya untuk dapat merealisasikan perkongsian ibu bapa (keluarga) dan sekolah dalam meningkatkan prestasi akademik generasi yang bakal menyumbang kepada pembangunan negara dan masyarakat Malaysia.

1.5 Batasan kajian

Kajian ini hanya melibatkan lima buah sekolah menengah di sekitar Daerah Tuaran. Kajian terhad kepada guru-guru yang mengajar di sekolah menengah berkenaan sahaja. Jenis perkongsian sekolah dan ibu bapa yang dikaji adalah berdasarkan jenis dan kaedah perkongsian di sekolah yang dipilih. Oleh itu, segala keputusan yang diperolehi hanya terbatas kepada kawasan di sekitar Daerah Tuaran sahaja.

1.6 Definisi konsep

Perkongsian Pendidikan : Perkongsian dalam pendidikan merupakan satu set matlamat yang sama antara rakan kongsi. Perkongsian pendidikan seperti yang dikatakan oleh Musa dan Syed Idrus (1994) merujuk kepada 'bagaimana sesebuah sekolah dapat mempertingkatkan prestasi pendidikan pelajar dan kemajuan sekolah itu sendiri'. Oleh itu tugas utama perkongsian ini adalah untuk mengenal pasti hala tuju kemajuan sekolah, membuat rancangan serta menjadi penyelaras tindakan-tindakan yang perlu untuk pencapaian objektif ibu bapa, masyarakat dan agensi-agensi masyarakat yang lain. Perkongsian pendidikan memerlukan penyertaan secara sedar tentang amanah dan tanggungjawab, memerlukan penglibatan menyeluruh dan meluas dalam pembangunan satu-satu usaha (Mohd Idris Jauzi, 1993).

Perkongsian pendidikan dapat dirumuskan sebagai satu bentuk kerjasama di antara ahli keluarga dan sekolah untuk memastikan matlamat semua pihak iaitu ibu bapa, sekolah dan pelajar itu sendiri tercapai. Sebagai rakan kongsi, tidak ada lagi rahsia antara semua pihak-pihak yang menjadi rakan kongsi. Pihak sekolah mahupun

keluarga perlu mengetahui tentang harapan dan matlamat mereka terhadap anak didik mereka. Oleh itu mereka juga perlu peka dengan keperluan, tahap kebolehan dan ciri-ciri istimewa anak/pelajar berkenaan. Kajian ini hanya mengambil kira peranan sekolah dalam meningkatkan prestasi akademik anak-anak.

Sekolah : Sekolah merupakan sebuah organisasi yang unik kerana selain mempunyai ciri-ciri tertentu seperti mempunyai matlamat (goals), sekolah juga mempunyai aktiviti-aktiviti yang tersusun dan berjalan terus menerus, terdapatnya pengkhususan kerja, dan penyelarasan tenaga-tenaga khusus di kalangan anggota-anggotanya (Dean & Rosalen, 1972) dalam Ahmad Sabu (1998). Sekolah juga mempunyai sifatnya yang tersendiri lagi unik yakni memproses manusia iaitu pelajar-pelajar dan melayan pelanggan-pelanggannya, yakni golongan-golongan tertentu dalam masyarakat di sekitarnya (Hicks, 1972) dalam Ahmad Sabu (1998), mengambil berat tentang hal-hal berkaitan sosial, peribadi dan pembangunan moral. Sebuah institusi yang menyediakan keperluan asas manusia seperti belajar, menjadi dewasa, dan matang menghadapi tekanan dalam komuniti (Maehr and Midgley, 1996).

Sekolah juga merupakan sebuah institusi yang berfungsi mendidik anak-anak. Malahan sekolah mempunyai fungsi yang lebih dari itu. Leonard Kaplan seorang Presiden Persatuan Guru-guru (1993-1994) USA dalam kata-kata aluan untuk Buku Tahunan Pendidikan Guru menyatakan bahawa sekolah boleh dikatakan sebagai *one place where children congregate*. Ini berikutan dengan fungsi sekolah yang menyediakan semua perkhidmatan seperti khidmat sosial, perubatan, psikologi dan undang-undang juga ditadbirkan di sini. Beliau menyatakan bahawa guru-guru di sekolah perlu bersedia untuk memastikan setiap proses tersebut berjalan lancar.

Guru : Guru-guru secara langsung memikul beban untuk mendidik dan mengamalkan perkongsian dengan pelbagai pihak terutamanya ibu bapa. Guru boleh dikatakan sebagai orang tengah untuk memastikan matlamat perkongsian sekolah dan keluarga berjaya.

Guru-guru perlu juga memikul beban baru sebagai pendidik dengan mengamalkan perkongsian dengan pelbagai pihak. Para pendidik di sekolah masa kini bukan lagi setakat fasilitator tetapi bekerja sebagai seorang yang professional, berilmu pengetahuan, pakar bahasa dan mahir dalam setiap aspek yang diceburi (*O'Hair & Odell, 1994*). Sekolah, guru dan pelajar adalah sangat sinonim dan tidak dapat dipisahkan, keluarga sepatutnya menjadi satu elemen penting dalam organisasi sekolah.

Keluarga : Keluarga pula merujuk kepada semua ahli keluarga yang rapat dengan anak-anak dan tidak semestinya ibu bapa sahaja. Malahan lebih kompleks lagi apabila dalam masyarakat kita terdapatnya empat kumpulan institusi keluarga seperti yang dikategorikan oleh Berger (1995), seperti pasangan yang berkahwin dengan anak-anak, pasangan berkahwin tanpa anak, wanita dengan anak-anak (ibu tunggal), dan bapa dengan anak-anak (bapa tunggal).

Peningkatan prestasi : Peningkatan prestasi dalam pendidikan merujuk kepada pencapaian pelajar dalam bidang akademik seperti yang dikehendaki dan diperlukan oleh bakal majikan, memenuhi keperluan pembangunan individu, dan mendapat pengesahan daripada ibu bapa dan mereka yang membiayai kos pelajaran mereka sesuai dengan apa yang dicatatkan dalam Daud Bin Talib (2003). Manakala **anak-anak** pula membawa maksud semua pelajar di sekolah.

1.7 Kesimpulan

Secara ringkasnya, institusi sekolah dan keluarga merupakan dua institusi penting yang mempunyai peranan yang hampir sama. Keluarga dari pelbagai budaya dan latar belakang akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah untuk mendapat pendidikan asas. Guru-guru di sekolah pula akan mencari kekuatan yang ada pada setiap pelajar untuk berjaya (*Berger, 1995*). Oleh yang demikian, kajian akan mengambil guru-guru sebagai responden dan melihat peranan sekolah dalam menggalakkan penglibatan ibu bapa di sekolah dalam usaha meningkatkan prestasi akademik anak-anak.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Perkongsian seperti yang telah dijelaskan di atas bermaksud bekerja sama untuk mencapai satu perkongsian matlamat. Dalam kes perkongsian antara sekolah dan keluarga dalam meningkatkan prestasi anak-anak, guru dan keluarga perlu bertukar-tukar idea, pandangan dan pengetahuan mereka, seperti yang dikatakan dalam pepatah Melayu, "Ringan sama Dijinjing, berat sama di pikul". Sesuatu program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan di sekolah haruslah dilakukan bersama-sama dengan ibu bapa (keluarga) sama ada di rumah atau di sekolah (McGaw, 1984) untuk memastikan kejayaan anak-anak.

Kajian terhadap perkongsian pendidikan mendapat perhatian pelbagai pihak sama ada di luar negara atau di dalam negara kita kebelakangan ini adalah kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa perkongsian memberi kesan positif terhadap peningkatan prestasi akademik pelajar. Oleh yang demikian, sorotan akan meninjau kesan positif perkongsian tersebut.

Kajian berkaitan perkongsian pendidikan antara ibu bapa dan keluarga dan sekolah bukanlah sesuatu yang baru di negara barat. Malahan di Malaysia, para sarjana juga semakin menumpukan perhatian terhadap isu-isu berkaitan dengan kepentingan perkongsian antara sekolah/keluarga/komuniti. Tujuan utama